# APENDIKS 1
# Proses Mengutip dan Menganalisis Data

## PROSES PENGUTIPAN DAN ANALISIS DATA



# APENDIKS 2
# CATATAN LAPANGAN
# (Memasuki Lapangan Kajian)

## CONTOH CATATAN LAPANGAN
## (Memasuki Lapangan Kajian)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Tarikh : | 3 September 2003 | Masa: | 8.50 pg – 10.55 pg |
| Tempat: | Pejabat sekolah | | |

| CATATAN LAPANGAN | Catatan |
|---|---|
| Saya memasuki pagar sekolah pada jam 8.50 pagi. Selepas mengambil pas keselamatan, saya terus ke pejabat. Kebetulan pengetua sekolah sedang menaip sesuatu di meja kerani sambil berbual dengan dua orang staff pejabat pada ketika itu. Saya tidak terus berjumpa sesiapa, sebaliknya saya hanya duduk di sofa ruang menunggu di dalam kawasan pejabat sekolah. | |
| Sebenarnya hati saya agak berdebar kerana pada hari pertama ini banyak pertimbangan sebagai seorang penyelidik yang perlu saya lakukan dan semuanya bermain di dalam kepala. | Sambil menyemak nota Kajian Kes Secara Kualitatif, saya cuba meneliti sekejap peratuan yang dicadangkan semasa pertama kali memasuki lapangan kajian. |
| Beberapa minit lepas itu, seorang kerani perempuan melihat ke arah saya dan bertanya tujuan kedatangan saya. Saya memberitahu ingin berjumpa pengetua, dan pengetua pada ketika itu baru menyedari kedatangan saya terus berhenti menaip sambil berbual. | |
| Pengetua terus datang, bersalam dan duduk di sebelah saya di tempat menunggu di pejabat itu. Sambutan beliau agak baik dan ini memberi tanggapan yang naik kepada saya selaku penyelidik baru. | Perasaan saya gembira kerana ini petanda baik |
| Pengetua menjelaskan dan mencadangkan supaya Ustazah Siti dipilih kerana mempunyai beberapa kepakaran dan pernah mendapat anugerah cemerlang semasa di sekolah lama. | |
| Pengetua menyuruh kerani pejabat menghubungi Ustazah Siti dan selang beberapa ketika, Ustazah Siti muncul di pejabat. Mula-mula apabila beliau masuk ke pejabat dia pergi berjumpa dengan GPK HEM terlebih dahulu dan saya nampak dari luar bilik dia menyerahkan sejumlah wang yang agak banyak kepada GPK HEM dan menanda tangani buku tertentu. Saya tidak pasti urusan apa yang dilakukannya itu. | |
| Saya berbual tentang berbagai perkara termasuk aspek dengan sekolah itu, aspek penilaian, pengukuran dan peperiksaan. Aspek pengajaran dan pembelajaran juga turut disentuh di dalam perbualan tidak formal itu. | |
| Kemudian Ustazah Siti datang dan pengetua memperkenalkan beliau kepada saya. Saya mengucapkan terima kasih kepada pengetua kerana memberikan bantuan dan penjelasan yang berguna untuk saya memulakan proses pemilihan peserta kajian. Lepas itu pengetua pergi dan meneruskan kerja menaip sesuatu. Sebelum pergi, pengetua sempat mengulangi kesediaannya dan kalau saya boleh datang bila-bila masa dan maklumkan kepada pihaknya jika mahu datang lagi. | Pengetua telah memainkan peranan memperkenalkan seorang calon peserta kajian yang baik. |

| | |
|---|---|
| Kesempatan pertemuan pertama itu juga, saya sempat bertanya Ustazah Siti yang nampak agak sibuk. Beliau menjelaskan bahawa tugasnya selain mengajar ialah bertidak sebagai Bendahari Koperasi. Setiap pagi dia kena ambil dan keluarkan duit untuk kegunaan jual beli. Kemudian dia perlu menyimpan semula di dalam peti besi di pejabat sekolah melalui GPK HEM. Kalau ada lori datang hantar barang, roti dan sebagainya dia perlu tinggalkan kelas. Telefon bimbitnya sentiasa bersedia menunggu berbagai panggilan berkaitan dengan pengurusan koperasi jika diperlukan.<br><br>Saya juga bertanya kesediaannya untuk dipilih sebagai peserta kajian saya. Saya turut menjelaskan beberapa perkara dan keperluan untuk kajian saya. Baginya, dia tiada masalah dan sedia membantu. Dia juga turut meminta jika ada kepakaran yang boleh dipelajari daripada saya juga. Saya tidak menafikan, namun begitu saya menjelaskan dalam kajian saya ini beliau adalah merupakan seorang pakar yang tahu selok belok apa yang dilakukan di dalam bilik darjah. Manakala saya pula datang untuk mempelajari sesuatu yang wujud di dalam dirinya sebagai peserta kajian.<br><br>Untuk pertemuan pertama ini juga saya sempat meminta nombor telefon bimbitnya dan beliau memberi tahu saya supaya memaklumkan kepadanya jika ingin datang pada masa akan datang. Beliau takut jika saya datang tanpa diberitahu mungkin dia tiada di sekolah atau sebagainya. | Saya cuba menilai beberapa ciri termasuk kepetahan bercakap, kesediaan, kepakaran. Kesempatan bercakap ini saya manfaatkan untuk proses pemilihan yang baik.<br><br>Saya membuat keputusan memilih beliau sebagai PK berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Pengetua, Ustaz Aziz, GPK HEM dan hasil pengamatan saya sendiri melalui perbualan pertama. |

# APENDIKS 3
# Contoh Pemerhatian

**Apendiks 3(a) Catatan Lapangan Pemerhatian**
**Apendiks 3(b) Ringkasan Pemerhatian**
**Apendiks 3(c) Catatan Pemerhatian**

**Apendiks 3(d) Catatan Lapangan Pemerhatian**
**Apendiks 3(e) Ringkasan Pemerhatian**
**Apendiks 3(f) Catatan Pemerhatian**

# CATATAN LAPANGAN PEMERHATIAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| Bilangan Pemerhatian : | 1 | Masa : | 8.50 pg – 10.10 pg |
| Nama Peserta Kajian : | Ustazah Siti | Tarikh : | 17 September 2003 |
| Tajuk : | هيا نصلي جماعة | Tempat: | Makmal Bahasa |

| CATATAN PEMERHATIAN | KOMEN |
|---|---|
| Pagi ini saya telah membuat temu janji dengan peserta kajian saya. Saya tiba di sekolah pada pukul 8.20 pagi. Seperti biasa, saya perlu mengambil pas pelawat untuk pergi ke pejabat. Di pejabat saya bertemu GPK HEM sekolah kerana kebetulan pada hari itu pengetua menghadiri satu pesidangan di Kuala Lumpur.<br><br>GPK HEM menyuruh kerani memanggil Ustazah Siti. Selepas beberapa ketika Ustazah Siti datang dan menjemput saya naik ke tingkat tiga bangunan kelas. | Prosedur masuk ke kawasan sekolah |
| **DI MAKMAL BAHASA:**<br><br>Kelasnya hari ini akan dijalankan di dalam makmal bahasa 1. Saya diberi tempat duduk di belakang kelas. Sambil menunggu kedatangan pelajar-pelajar, saya sempat berbual dengan peserta kajian berkenaan dengan tugasannya di sekolah. Beliau menjelaskan tugas penting sebagai bendahari koperasi, guru makmal bahasa dan makmal komputer. Kadang-kadang semasa mengajar dia terpaksa meninggalkan kelas untuk beberapa urusan melibatkan pihak lain. | Tugasan sampingan PK |
| **KEADAAN MAKMAL BAHASA:**<br><br>Keadaan bilik makmal bahasa itu agak luas dan lapang. Ia dilengkapi penghawa dingin, kerusi biru yang mempunyai tempat menulis, satu set komputer, pembesar suara, lcd, skrin putih dan papan putih. Di bahagian belakangnya pula ada satu deret kabinet kayu yang bertutup, papan kenyataan yang tidak berisi apa-apa maklumat dan beberapa buah meja. Ada 12 tingkap cermin '*transperent*' yang tidak berlangsir di sebelah kiri dan kanan bilik serta mempunyai 2 daun pintu di sisi sebelah kanan depan dan belakang.<br><br>Daripada dalam bilik makmal bahasa itu, kelihatan pemandangan menghijau bukit yang dilitupi dengan pokok-pokok kelapa sawit muda yang menyegarkan. Tetapi di lereng dan di bahagian bawah bukit-bukit tersebut sudah dibersihkan dan kelihatan tanah merah serta beberapa buah jentolak sedang menolak tanah untuk dibangunkan menjadi sebuah pusat komersil di kawasan ini.<br><br>Bersebelahan dengan makmal bahasa ini ada sebuah makmal komputer dan sebuah makmal bahasa yang satu lagi. | Suasana tempat kajian |

| | |
|---|---|
| **PELAJAR MULA MASUK:**<br>Pada jam 9.00 pagi, pelajar-pelajar mula masuk ke dalam makmal bahasa. Mereka membuka kasut dan disusun diluar bilik. Pada ketika itu, Ustazah Siti sudah bersedia dengan perisian power point untuk pengajarannya pada hari itu.<br>Seramai 15 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan yang masuk. Sebelum duduk, ketua kelas memulakan ucapan salam diikuti oleh semua pelajar lain. Kemudian mereka membaca doa memulakan pembelajaran sebelum duduk.<br>Kedudukan pelajar di dalam makmal bahasa adalah di dalam 5 barisan seperti berikut:<br> | |
| **PERMULAAN KELAS:**<br>Setelah semua pelajar duduk, Ustazah Siti memulakan pengajaran dengan membuat sedikit set induksi pengajaran iaitu bertanya para pelajar dengan satu soalan: "*Apa khabar anda semua? Adakah kamu semua telah menunaikan solat Subuh pada pagi ini secara berjemaah?*" di dalam Bahasa Arab. Sebahagian pelajar menjawab sebagai respons kepada soalan itu.<br>Kemudian Ustazah Siti menjelaskan bahawa tajuk pelajaran hari ini ialah "*Mari Mengerjakan Solat Berjemaah* - هيا نصلي جماعة" di dalam Bahasa Arab. Dia mengarahkan pelajar melihat paparan di skrin yang akan ditayangkan dengan menggunakan power point. Ada pelajar yang membuka buku teks. | Induksi set dengan soalan awal dan umum |
| **MEMULAKAN PENGAJARAN:**<br>Ustazah Siti mengulang-tayang beberapa kali slide yang memaparkan teks perbualan yang diikuti dengan rakaman audio suara yang melakukan perbualan itu. Bunyi bacaan agak jelas diselangi dengan kesan bunyi (*sound effect*) power point. Setiap kali dia menekan butang | Pengulangan |

| | |
|---|---|
| untuk ulangan, dia akan mengatakan '*sekali lagi... dengar betul-betul...*' di dalam Bahasa Arab. Beberapa kali lagi tayangan diulang sebagai contoh bacaan dan perbualan yang telah dirakamkan dengan teks bacaannya sekali. Keadaan pelajar semasa sesi ini berjalan, ada yang memerhati skrin putih, ada yang melihat ke arah buku teks dan ada yang menunjukkan sesuatu kepada rakan sebelah terhadap teks yang sedang dibaca.<br><br>Selepas selesai beberapa kali ulang tayang, maka Ustazah Siti memanggil nama beberapa orang pelajar seperti Fuad, Asyraf, Razinatun untuk membacakan teks perbualan (hiwar). Pelajar berkenaan berdiri dan membacakan teks perbualan. Ustazah meminta pelajar meninggikan suara, meminta diulang dan diperjelaskan sebutan yang tidak lancar. Pelajar mengulang sebutan yang tidak jelas.<br><br>Semasa pelajar membaca teks, Ustazah Siti ada menegur kesalahan sebutan dan kesilapan makhraj beberapa kalimah. Selepas selesai bacaan, Ustazah Siti mengucapkan terima kasih dan duduk (شكرا جزيلا - اجلس!)<br><br>Kemudian Lin, Syafiq dan Umar dipilih untuk membaca dengan suara yang kuat.<br><br>Kemudian Farhanum, Fauzi dan Najib.<br><br>Setiap 3 orang pelajar dipilih oleh peserta kajian untuk membacakan teks perbualan. Setiap orang nama disebut dan disuruh oleh Ustazah Siti untuk membaca. Semasa pelajar membaca, ustazah berdiri di tepi kelas dan setiap kali bacaan dibuat, ustazah segera membetulkan kesilapan bacaan sama ada baris, mad, sebutan dan antonasi.<br><br>Selepas 4 kumpulan pelajar telah dilibatkan dalam bacaan hiwar, maka ustazah meneruskan pengajaran dengan perbincangan kalimat / perkataan-perkataan di dalam teks bacaan. | Tarik perhatian<br>Amati, lihat dan dengan teliti<br><br>Mentaksir kebolehan pelajar membaca teks dengan betul<br><br>Ketepatan bacaan dinilai dan pembetulan segera dibuat<br><br>Beberapa kumpulan pelajar dipilih untuk ditaksir tahap kemahiran membaca masing-masing<br><br>Pentaksiran kendiri berlaku apabila kesalahan pelajar ditegur dan pelajar lain dapat mengurangkan kesilapan |
| **PERBINCANGAN KALIMAH (MURADIFAT):**<br>Peserta kajian (Ustazah Siti) mula menyebut beberapa kali kalimah yang terdapat di dalam teks bacaan. Contohnya يقرأ lalu diikuti secara beramai-ramai oleh para pelajar. Beberapa kalimah lain disebut dan diucapkan oleh para pelajar. Ustazah menyebut kalimah, meminta seorang pelajar menjawab dan menyebut baik apabila pelajar menjawab dengan betul. Tetapi apabila pelajar menjawab salah, ustazah membetulkan dan menulis di atas papan putih. Kelihatan pelajar berbincang bersama rakan-rakan apabila soalan diajukan kepada mereka. Ustazah membiarkan keadaan perbincangan dan agak tidak teratur. | Kaedah bacaan contoh, membaca beramai-ramai<br><br>Soal jawab secara lisan dan bertulis di hadapan kelas<br><br>Perbincangan |

| | |
|---|---|
| Kemudian ustazah meminta pelajar memberi makna kalimah (perkataan seerti). Arahan diberikan dalam Bahasa Arab, contohnya: ما معنى كلمة : يتهم؟ Pelajar-pelajar berebut menjawab dan suasana agak bising di dalam kelas. Kemudian ustazah menentukan seorang pelajar menjawab soalan. Ini diikuti dengan perbincangan perkataan berlawanan.<br>Kemudian ustazah menulis kalimah di atas papan putih dan meminta seorang pelajar tampil kehadapan dan menulis jawapan makna kalimah. Seorang pelajar menjawab tetapi tersalah eja / tulisan. Ustazah segera membaca jawapan yang betul dan membetulkan kesilapan tulisan ejaan di papan. | Pelajar berebut menjawab soalan yang mudah<br>Pelajar ditentukan untuk menjawab<br>Membetulkan kesalahan ejaan |
| Selepas itu ustazah memilih satu *slide* dan ditayangkan di layar besar. Perkataan seerti dan berlawanan ditanya kepada pelajar. Soalan kefahaman juga ditanya berkenaan dengan petikan yang dipaparkan di skrin. Ada pelajar yang amgkat tangan untuk menjawab.<br>Semasa sesi ini ada gangguan – seorang guru lain mengetuk pintu dan meminta peralatan lcd daripada ustazah. Pembelajaran terhenti. Pelajar bergerak-gerak dan kelihatan bercakap-cakap dengan kawan-kawan di sebelah. Ustazah keluar bilik sekejap dan masuk semula selepas itu. Kelas berjalan semula. Pelajar yang dipilih menjawab soalan dengan perlahan. Ustazah menyuruh ditinggikan suara dan ulang sekali lagi jawapan. | Soalan kefahaman<br>Ada gangguan dari luar kelas |
| Kemudian ustazah menyuruh pelajar membuka buku teks dan memberitahu muka surat 88 untuk membaca soalan dan bincang jawapan yang betul. Masa selama 10 minit diberikan untuk bincang. Ustazah meminta pelajar membaca soalan dan memberi jawapan seorang demi seorang. Soalan adalah berbentuk menyusun perkataan, memberi makna dan membuat ayat berkaitan teks bacaan. Ada soalan menggunakan kata tanya adakah (ya / tidak), kenapa, bila, bersama siapa, di mana, bagaimana, sebutkan... semuanya berkenaan solat berjemaah. Jawapan pelajar berbagai-bagai tahap – ada yang lengkap dan ada yang tidak lengkap. Ustazah menerima jawapan walaupun hanya ada isi walaupun sedikit.<br>Ustazah menjelaskan soalan adakah هل memerlukan jawapan ya atau tidak peneguhan kepada kesalahan yang dilakukan oleh beberapa orang pelajar. | Soalan dan perbincangan dari buku teks<br>Perbincangan, menjawab<br>Soalan bertumpu kepada topik dalam teks bacaan<br>Penjelasan teknik menjawab soalan |
| **SOALAN LATIHAN:**<br>Kemudian ustazah mengedarkan helaian soalan bercetak untuk ulangkaji. Arahan yang diberi ialah supaya pelajar-pelajar menjawab di dalam kertas soalan yang diedar. Masa diberi untuk bincang dan tulis jawapan, kemudian ustazah akan menyoal seorang demi seorang selepas itu. | Soalan tambahan edaran bercetak<br>Perbincangan, jawapan lisan |

| | |
|---|---|
| Selepas arahan soalan dibacakan ustazah menyoal adakah kamu faham atau tidak? Pelajar menjawab ya menyatakan arahan soalan jelas.<br><br>Pelajar dibenarkan mencari jawapan dalam buku teks, boleh bincang dan boleh buka kamus.<br><br>Kelihatan pelajar menjawab bersama-sama dan saling berbincang antara satu sama lain. Walaubagaimana pun keadaan di dalam kelas tidaklah bising dan terkawal.<br><br>Ada juga terdapat pelajar yang mengangkat tangan dan bertanya sesuatu kepada ustazah. Ustazah mendekati pelajar berkenaan dan menerangkan sesuatu. | Memastikan arahan jelas<br><br>Bincang, rujuk buku / kamus<br><br>Perbincangan<br><br>Bertanya ustazah |
| Semasa menjawab, ustazah mengemukakan soalan bentuk kuiz dan terbuka. Ustazah memanggil nama pelajar dan menyoal satu persatu-satu. Jawapan diberikan oleh pelajar secara lisan dan pembetulan jawapan yang salah atau peneguhan bagi jawapan yang betul juga terus dibuat secara lisan. | Soalan bentuk kuiz lisan |
| Bagi soalan membina ayat dengan menggunakan kalimah yang diberikan, ustazah meminta pelajar berkenaan supaya tampil kehadapan dan menulis jawapan di papan putih. Kemudian ustazah memeriksa jawapan terus di papan putih dan meminta pelajar membetulkan kesalahan jika berlaku. | Menulis jawapan di papan putih |
| Akhir sekali ustazah mula menutup komputer, suiz lcd dan lain-lain.<br><br>Selepas itu ustazah memberitahu... Ok.. kelas tamat dan kita sambung ke hari Isnin pula.<br><br>Pelajar mengemaskan buku dan barang-barang dan semua pelajar berdiri serta mengucapkan terima kasih ustazah. Kemudian sebelum keluar kelas, pelajar-pelajar perempuan bersalam dan mencium tangan ustazah. Pelajar lelaki terus keluar.<br><br>Selepas itu terdapat beberapa orang pelajar dipanggil oleh ustazah dan dia memberikan sejumlah wang untuk dibawa ke koperasi oleh pelajar berkenaan. | |
| Sesi pemerhatian untuk kali pertama tamat di sini. Saya telah memerhatikan dan mengikuti hampir keseluruhan aktiviti pengajaran di dalam 2 masa pengajaran (40X2) sebentar tadi.<br><br>• Penyelidik telah membuat temu janji dengan peserta kajian untuk membuat temu bual selepas tamat sesi pengajaran hari ini.<br><br>• [ Peserta Kajian = PK / Penyelidik = P ] | Semasa ini saya merujuk dengan pantas nota catatan pemerhatian sebagai persediaan untuk memulakan temu bual pertama. |

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

**RINGKASAN PEMERHATIAN**

| | |
|---|---|
| Nama Peserta Kajian: Ustazah Siti | Tempat: Makmal Bahasa |
| Tarikh: 17 September 2003 | Bilangan Pemerhatian: 1 |

**APAKAH TAJUK UTAMA, ISU ATAU SOALAN YANG MENJADI FOKUS PEMERHATIAN?**

- Pemerhatian pertama dibuat untuk meninjau secara keseluruhan aktiviti P&P yang dijalankan oleh PK di dalam bilik darjah. Pembelajaran BAK Tingkatan 1 dipilih yang mana terdapat 30 orang pelajar yang mengikutinya.
- Pemerhatian dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu permulaan, pertengahan dan penutup dengan memfokuskan bagaimana PK melakukan amalan pentaksiran semasa proses P&P.
- Penumpuan dibuat terhadap bagaimana PK menggunakan bentuk soalan untuk mentaksir kebolehan pelajar dan sekaligus menilai keberkesanan pengajaran.
- Teknik PK menyoal, memilih pelajar, menggunakan bahan dan membuat pentaksiran yang berterusan semasa proses P&P.

**RINGKASAN DATA YANG DIDAPATI DAN YANG TIDAK DIDAPATI?**

- Daripada data hasil pemerhatian yang dibuat, diperhatikan bahawa PK banyak kali menggunakan kaedah mengajar secara mengulang-ulang perkara yang diajar. Kemudian hasil daripada pengulangan itu, PK menyoal secara rawak kepada pelajar dan mentaksir tahap kebolehan setiap pelajar.
- PK juga menggunakan pendekatan berbincang, memberi peluang kepada pelajar bercakap dan berbincang sesama rakan, mengemukakan soalan, memberi peluang untuk menjawab, membetulkan kesalahan dan memaklumkan kepada seluruh pelajar maklumat baru yang dipelajari daripada kesilapan pelajar.
- PK banyak menggunakan kaedah pentaksiran secara lisan iaitu melalui soal jawab, pembetulan secara lisan serta menulis di papan putih.
- Kaedah pembacaan beramai-ramai dan kemudian memilih beberapa orang untuk ditaksir secara khusus.
- PK juga menggunakan buku teks, bahan paparan power point, soalan edaran bercetak sebagai bahan bantuan untuk mengajar dan mentaksir.
- Soalan pentaksiran adalah bertumpu kepada topik yang diajar.
- PK mempelbagaikan aktiviti pentaksiran melalui berbagai jenis dan bahagian soalan seperti memberi makna perkataan, perkataan berlawanan, menyusun perkataan, membuat ayat dan menulis angka dengan perkataan.
- Pentaksiran dibuat oleh PK dengan meneliti ketepatan, kefasihan dan kelancaran bacaan serta sebutan pelajar, ketepatan tulisan dan ejaan, antonasi, baris bacaan dan kesilapan semasa menjawab soalan kefahaman.
- Perbincangan, soal jawab dan penerangan sama ada untuk seluruh kelas atau secara seorang demi seorang diamalkan oleh PK sebagai satu pendekatan pentaksiran untuk membantu pembelajaran pelajar di dalam bilik darjah.

**APAKAH PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN DALAM PEMERHATIAN AKAN DATANG?**

- Amalan pentaksiran yang dilakukan oleh PK semasa proses P&P berjalan. Bagaimana proses yang dilalui oleh PK dalam melaksanakannya?
- Bagaimana pula reaksi dan maklum balas pelajar terhadap aktiviti pentaksiran yang dilakukan oleh PK?

**APAKAH MAKLUMAT YANG PERLU DIDAPATI DALAM PEMERHATIAN TERSEBUT?**

- Jenis-jenis pentaksiran dalam bilik darjah yang paling kerap dilakukan.
- Bagaimana jenis-jenis pentaksiran itu dilaksanakan?
- Cara PK menguruskan pelajar semasa pentaksiran dan bagaimana membuat bimbingan berterusan semasa proses P&P berjalan.

| Bilangan Pemerhatian: 1 | Masa: 8.50 pg - 10.55 |
|---|---|
| Nama Perserta Kajian: Ustazah Siti | Tarikh: 17/9/03 |
| Tajuk: [illegible] | Tempat: Makmal Bahasa |

| CATATAN PEMERHATIAN | KOMEN |
|---|---|
| 9.00 pg. pelajar masuk - salam + doa | kebiasaan |
| - power point - teks bacaan doa | - Bahan power point |
| - Pelajar buka buku teks | |
| مرة أخرى | |
| Kedudukan pelajar: Pintu masuk L - 7, L - 8, P - 5, P - 8, P - 2 | - objektif PSP. |
| استمعوا جيدا | |
| أجيبوا: الأسئلة | |
| الحوار | |
| Pelajar P - Baca mengikut model | |
| L1 - Baca hiwar - الأسئلة | |
| L2 - - Induksi Set - Tanya dan Sifat | pelajar |
| (1) Pelajar ditentukan oleh ustazah - | |
| [illegible] | Ingat nama<br>Bagaimana cara pilih pelajar |
| [illegible] | |
| Kumpulan pelajar (2) - Guru menyebut nama 3 orang pelajar - baca teks | |
| - ustazah berdiri disebelah kiri kelas | Ulangkaji - kepentingan |
| - menyambung sebentar [illegible] | |
| [illegible] | |
| Kumpulan ke (3) - | |
| - mula perbincangan ttg. kalimat di dalam [illegible] | Pengulangan lisan |

Halaman: 1/P.

| CATATAN PEMERHATIAN | KOMEN |
| --- | --- |
| Membaca kalimah [illegible] - pelajar sebut beramai2 | Arahan dlm soalan ID (B. Arab) |
| [illegible] , [illegible] - menentukan pelajar menjawab. | |
| menulis di white board [illegible] : [illegible] | مرادفه ، ضده / |
| membetulkan baris bacaan | |
| - memilih slide utk paparan | |
| - Soalan pertanyaan berlawanan | Bagaimana masalah bahasa |
| [illegible] | |
| - Pelajar tak dpt jawab - disuruh duduk ( اجلس ! ) | Tak payah ke arah komunikasi dlm B Arab |
| - Pelajar cuba beberapa kali - ( لا / نعم ) | |
| - Ustazah - tayang slide - berulang2 kali petikan perbualan - pelajar dengar dan perhati | |
| (Slide ayat suara / [illegible]) - | |
| - Ada gangguan guru lain minta kunci bilik | |
| - Ada pelajar lelah angkat tangan - kenapa ustazah utk jawab | pilih pelajar lain. Ada kriteria tak |
| - Papar soalan + bentuk AA (m/s) dlm bulan | |
| - baca soalan - minta pelajar jawab seorang demi seorang dgn sebut nama | |
| - Gangguan minta kunci | Teknik menjawab dijelaskan sbb ada pelajar salah jawab soalan yg senang. |
| - menjelaskan cara jawab soalan [illegible] | |

| CATATAN PEMERHATIAN | KOMEN |
| --- | --- |
| - Makmal bahasa – Ade ~~[illegible]~~ hanya dinyatakan – kerusi, bilik + tempat menulis, satu set komputer, pembesar suara, LCD, white board | - Persekitaran |
| - 12 tingkap cermin – x langsir – sebelah kiri – pemandangan + bukit – kawasan pembangunan<br>- Sebelah kiri – 2 pintu + 8 tingkap | - Kelengkapan |
| - Belakang – ade kabinet + soft board – masih kosong<br>- Pelajar masuk – buka kasut | - Pelajar terpilih |
|  PK bergerak ke seluruh kelas lihat pegerakan pelajar yg tak faham | Damping + bimbing |
| تقديم الأسئلة ] — شفويا<br>إجابة الأسئلة ]<br>- إملاء الواجبات<br>- قراءة النص | Pelajar ⟷ Guru<br>Soal jawab – tidak formal |
| | Tanya soalan setelah di semak oleh PK sambil bergerak dalam bilik darjah<br>(X) Tulis langs pelajar |

| CATATAN PEMERHATIAN | KOMEN |
|---|---|
| - Edar soalan utk. ulangkaji - bercetak - <br> arahan اجب [illegible] - ustazah akan soal <br> مفهوم أم لا - فهمنا | Persiapan. |
| - Guru baca soalan yg diedar <br> - Benarkan pelajar cari jawapan dlm buku teks dan kamus <br> - Pelajar menjawab soalan yg diedarkan + nampak pelajar berbincang - dlm keadaan senyap [ masa menjawab) <br> - Pelajar angkat tangan - tanya soalan | - masalah semasa menjawab → penerangan arahan soalan. <br> - Pelajar dibiarkan bincang sendiri + guna kamus. |
| - Soalan bentuk kuiz: sebut nama - pilih serta peserta (jawapan lisan) <br> - Minta pelajar tulis jawapan di papan putih <br> Pelajar Tulis (متى) زار نبيل إلى الحديقة الزراعية (1 - bagus - terus betulkan sedikit kesilapan <br> 2) يعمل الوالد لسعادة الأسرة - صحيحا حسن <br> Angkat tangan 3) محمد يصلي صلاة الظهر جماعة في المسجد - pelajar senyum <br> 4) تشرب العائلة الشاي مساء. - betulkan baris <br> 10.02 pg. - Tutup P.point + komputer <br> 5) يحكي الأب قصة لابنه. | Berulang² <br> - Tak jemu ke? |
| Kelas tamat kita sambung ke hari isnin | |
| - Beri kuiz koperasi - kpd pelajar | Koperasi |
| Salam - ucap tq dgn ustazah | |

Halaman: 4/p

# CATATAN LAPANGAN PEMERHATIAN

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bilangan Pemerhatian | : | 2 | Masa | : | 8.50 pg – 10.10 pg |
| Nama Peserta Kajian | : | Ustazah Siti | Tarikh | : | 24 September 2003 |
| Tajuk | : | Latih tubi | Tempat: | | Makmal Bahasa |

| CATATAN PEMERHATIAN 2/2 | KOMEN |
|---|---|
| Seperti biasa semasa tiba di pondok pengawal, saya mengambil pas pelawat terlebih dahulu. Kemudian melapor diri di pejabat sekolah sebelum memulakan kajian. Kebetulan pada hari ini pengetua sekolah ada di pejabat dan setelah meminta izin untuk bertemu Peserta Kajian (PK), maka pengetua menyuruh saya terus naik ke kelas. | Prosedur masuk ke kawasan sekolah |
| **DI MAKMAL BAHASA:**<br>Semasa tiba di makmal bahasa, saya mendapati PK sedang mengetip kertas soalan latih tubi untuk digunakan di dalam pengajaran pada hari ini. Waktu itu jam menunjukkan pukul 8.45 pagi. | Persiapan sebelum mengajar |
| **KEADAAN MAKMAL BAHASA:**<br>Keadaan bilik makmal bahasa adalah seperti biasa sebagaimana yang telah saya catatkan di dalam catatan lapangan untuk pemerhatian kali pertama. | Suasana tempat kajian |
| **PELAJAR MULA MASUK:**<br>Pelajar mula bergerak masuk ke dalam makmal bahasa pada jam 9.02 pagi kerana kelas sebelum itu mengadakan ulangkaji dan terlewat tamat. Kemudian seperti yang berlaku dalam pemerhatian 1, pelajar memulakan dengan salam dan bacaan doa beramai-ramai. | |
| **PERMULAAN KELAS:**<br>PK memulakan kelas dengan mengedarkan satu persatu kertas soalan latihan ulangkaji. Kemudian PK mengedarkan kertas tulis kepada setiap orang pelajar. | Latih tubi |
| **MEMULAKAN PENGAJARAN:**<br>Aktiviti pembelajaran hari ini ialah latih tubi di dalam kelas. Setelah kertas edaran diterima oleh pelajar, pelajar mula melihat soalan edaran, kedengaran suara pelajar bercakap dan berbincang tetapi dari tempat duduk saya, tidak pula jelas apa yang dicakapkan oleh pelajar-pelajar itu.<br>PK membacakan arahan yang terkandung di dalam soalan latih tubi. Membaca soalan bahagian 1, 2. Seorang pelajar perempuan tampil kehadapan kelas dan memaklumkan kepada PK ada satu soalan yang dibacakan oleh PK tetapi tidak terdapat dalam kertas edaran. | Semasa mula-mula menerima soalan edaran<br>Pelajar dapat mengesan kesilapan |

| | |
|---|---|
| Semasa PK membaca soalan satu persatu, pelajar mengamati dan memerhati kertas edaran masing-masing. Ada pelajar tanya apa makna كَوِّنْ. PK menjelaskan makna kata soal itu memberi makna 'buatkan ayat'.<br><br>Ada seorang pelajar perempuan tampil kehadapan kelas dan memberitahu PK soalan bahagian 4 tersilap dan pembetulan soalan / tersilap cetak dibuat segera dan dimaklumkan kepada semua pelajar di dalam kelas. (Salah: Tulis nombor-nombor berikut dengan **angka** الأرقام) (Pembetulan: Tulis nombor-nombor berikut dengan **perkataan** الكلمات).<br><br>Pelajar berbincang sesama sendiri tetapi keadaan kelas tenang dan terkawal.<br><br>Ada pelajar yang tanya PK penjelasan semasa menjawab. PK bergerak dari seorang kepada seorang pelajar yang lain memberi penjelasan dan penerangan. | Terjemah kata soal ke dalam Bahasa Melayu<br><br>Pelajar membetulkan kesilapan<br><br>Penerangan guru |
| **MENJAWAB SOALAN:**<br><br>Pelajar mula menjawab sambil ada penerangan yang diberikan oleh PK mengikut apa yang disoal oleh pelajar. PK berulang-ulang kali mengucapkan نعم (ya) mengiakan apa yang ditanya oleh pelajar dan لا (tidak) membetulkan salah tanggap pelajar yang bertanya.<br><br>Jarak di antara PK dengan pelajar adalah dekat dan menerangkan satu persatu. Kadang-kadang jarak di antara PK dengan pelajar perempuan lebih dekat lagi sehingga bersentuhan dan sambil memegang bahu pelajar.<br><br>Ada seorang pelajar lelaki yang duduk di kerusi paling kiri di barisan hadapan paling kerap bertanya kepada PK.<br><br>Kelihatan juga ada pelajar yang menjawab dan membetulkan kesalahan semasa menjawab dengan menggunakan cecair pemadam '*liquid paper*'.<br><br>Terdapat juga pelajar lelaki dan perempuan yang berulang kali pergi ke arah PK untuk bertanya soalan dan meminta penjelasan, penerangan makna dan sebagainya. Ada sesetengah maklumat yang diterangkan oleh PK kepada seluruh pelajar di dalam kelas dan ada yang hanya diterangkan kepada pelajar yang bertanya sahaja.<br><br>Penyelidik juga ada melihat PK menulis sesuatu sambil menerang kepada pelajar. Ada pelajar yang merujuk kepada buku teks. | Pelajar mentaksir tanggapan diri terhadap kefahaman dan guru memeriksa betul atau salah secara lisan<br><br>Bimbingan yang berkesan<br><br>Pelajar berani bertanya<br><br>Belajar dari kesilapan<br><br>Berani bertanya dan tiada sebarang halangan<br><br>Bimbingan yang berkesan |

| | |
|---|---|
| Apabila keadaan sudah reda, di mana sudah tiada lagi pelajar yang bertanya dan masing-masing tekun menjawab soalan masing-masing di dalam kertas tulis yang dibekalkan, PK pergi ke hadapan kelas dan menyusun kertas-kertas dan buku di atas meja guru.<br><br>Kemudian selepas itu, PK memberikan satu salinan soalan latih tubi kepada penyelidik. | Pelajar menjawab setelah faham semua arahan dan makna |
| PK meronda di dalam kelas sambil melihat pelajar menjawab. PK memeriksa jawapan yang dibuat oleh pelajar. Kemudian PK pergi kehadapan dan menulis satu contoh jawapan yang salah dan menerangkan kepada seluruh kelas. Selepas itu PK membetulkan kesalahan itu dengan menulis satu ayat yang betul.<br><br>Kedengaran bunyi pelajar berbincang sambil menjawab tetapi tidak begitu jelas butir-butirnya. Penyelidik juga turut mendengar bunyi pelajar membuka helaian buku teks dan kamu serta sekali sekali bunyi ballpen jatuh dan pelajar menarik kerusi untuk mengambilnya.<br><br>PK menyebut nama-nama pelajar secara rawak dan bertanyakan adakah sudah siap atau belum. | Pentaksiran secara rawak dan pembetulan yang segera / cepat<br><br>Perbincangan |
| **PERBINCANGAN JAWAPAN:**<br><br>PK memulakan perbincangan jawapan. PK membaca soalan dan meminta seorang demi seorang pelajar menjawab. PK menjelaskan jumlah markah bagi setiap jawapan yang betul. Kalau salah nahu kena potong ½ markah.<br><br>PK meminta pelajar mengulang jawapan dan mengesahkan betul kepada setiap jawapan yang betul.<br><br>Pelajar memberikan markah sendiri dan menyemak jawapan masing-masing sendiri.<br><br>Semasa PK memilih seorang demi seorang pelajar yang menjawab soalan, ada pelajar yang mengisyaratkan kepada PK supaya memanggil kawan di sebelahnya. | Penerangan skima pemarkahan<br><br>Pengulangan untuk memeriksa ketepatan |
| **PENUTUP:**<br><br>Di akhir pelajaran, PK bertanya adakah kamu mempunyai apa-apa soalan? Kemudian PK menyuruh pelajar-pelajar mengumpulkan jawapan yang ditulis untuk disemak. Kemudian ada pelajar bertanyakan tugasan semalam boleh tak hantar hari Isnin? PK bersetuju dan kalau tak hantar nanti kena denda. | Mengutip hasil kerja pelajar untuk disemak |

| | |
|---|---|
| Sesi pemerhatian untuk kali kedua tamat di sini. Saya telah memerhatikan dan mengikuti hampir keseluruhan aktiviti pengajaran iaitu bagaimana kelas latih tubi dan ulangkaji dikendalikan oleh PK di dalam 2 masa pengajaran (40X2) sebentar tadi. | |
| • PK memberitahu dia belum makan lagi dan mempelawa penyelidik turut sama ke kantin sekolah. Oleh itu penyelidik tidak bercadang untuk membuat temu bual pada hari ini kerana nampak macam PK sedikit tergesa-gesa. | Penyelidik tidak berpeluang membuat temu bual bersama PK |
| • PK mencadangkan saya datang bila-bila masa lain untuk kajian seterusnya. | |
| • Sebagai ganti, penyelidik meminta daripada PK untuk bertemu dan berbual dengan 3 orang pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan pada petang ini. Temu janji dengan 6 orang pelajar berkenaan dibuat pada pukul 3.00 petang bertempat di kantin sekolah. | Temu janji dengan 6 orang pelajar untuk temu bual |
| • [ Peserta Kajian = PK / Penyelidik = P ] | |

## RINGKASAN PEMERHATIAN

| Nama Peserta Kajian: Ustazah Siti | Tempat: Makmal Bahasa |
|---|---|
| Tarikh: 24 September 2003 | Bilangan Pemerhatian: 2 |

**APAKAH TAJUK UTAMA, ISU ATAU SOALAN YANG MENJADI FOKUS PEMERHATIAN?**

- Tajuk pengajaran hari ini ialah latih tubi sebagai ulangkaji untuk menghadapi peperiksaan akhir tahun.
- Tumpuan pemerhatian ini adalah untuk melihat bagaimanakah PK mengendalikan aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah semasa proses P&P berjalan.
- Bagaimanakah amalan pentaksiran yang diamalkan oleh PK dapat membantu pembelajaran pelajar di dalam bilik darjah.
- Adakah amalan yang pernah diperhatikan di dalam sesi pemerhatian pertama berulang lagi atau tidak?

**RINGKASAN DATA YANG DIDAPATI DAN YANG TIDAK DIDAPATI?**

- Data bagaimana PK mentaksir kebolehan berkomunikasi dalam Bahasa Arab tidak diperolehi kerana banyak soalan yang ditanya oleh pelajar di dalam Bahasa Melayu. Perkara ini pernah disebut oleh PK semasa temu bual sebelum ini, di mana kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Arab adalah masih rendah dan banyak penumpuan diberikan kepada menjawab soalan, membaca dan memahami petikan sahaja.
- Sebelum pelajar menjawab soalan latih tubi, PK menjelaskan arahan dengan terperinci, pelajar dibenarkan berbincang, merujuk kamus dan buku teks, pelajar banyak menyoal PK untuk penjelasan.
- Antara perkara yang ditaksir bersama ialah kemahiran memahami soalan, memahami perkataan, mencari jawapan, menulis jawapan, menyusun perkataan dan membuat ayat.
- Selepas menjawab secara berbincang sesama pelajar, PK memulakan perbincangan untuk seluruh kelas dengan meminta seorang demi seorang menjawab secara lisan. PK membuat pembetulan secara lisan, menjelaskan peraturan pemarkahan secara lisan di samping ada sekali sekala menulis jawapan yang salah di papan putih dan pembetulan dilakukan padanya. Pelajar lain membetulkan jawapan dan memeriksa sendiri jawapan masing-masing.
- Kaedah pentaksiran di dalam bilik darjah secara lisan lebih banyak digunakan. Namun begitu hasil kerja (jawapan pelajar) diminta oleh PK untuk dihantarkan bagi tujuan penyemakan dan pembetulan.
- PK melakukan penyemakan dua kali terhadap aktiviti latih tubi di dalam kelas untuk tujuan pentaksiran. (1) Pentaksiran berterusan secara lisan, aktiviti dan soal jawab di dalam bilik darjah dan (2) Pentaksiran melalui pemeriksaan dan penyemakan hasail kerja pelajar yang dihantarkan di akhir pengajaran.

- *Untuk latihan kerja lapangan ini hanya 2 kali pemerhatian sahaja dilakukan kerana kesuntukan masa.*

| | |
|---|---|
| Bilangan Pemerhatian: 2 | Masa: 8.50 pg - 10.10 pg |
| Nama Perserta Kajian: Pn. Siti | Tarikh: 24/9/03 |
| Tajuk: Latih tubi. | Tempat: Makmal bahasa (Tingkatan 1 Jannatul Firdaus). |

| CATATAN PEMERHATIAN | KOMEN |
|---|---|
| - 8.45 pg - sampai di makmal bahasa - PK sdg menyusun dan mengetip kertas edaran utk latih tubi. | |
| - Pelajar mula bergerak masuk 9.02 pg. sbb. kelas sebelum ini keluar lewat - ada ulangkaji | |
| - Mengedarkan satu persatu kertas edaran<br>- Pelajar berdiri + bacaan + doa<br>- اجب في هذه العربية / لابس سئلة<br>- edaran kertas tulis kpd. pelajar | |
| Pelajaran hari ini ttg latih tubi di dlm. kelas.<br>- Setelah edaran diberi - pelajar mula lihat soalan dan kedengaran | - Apa format soalan - utk pep?<br>- diberi kpd. semua kelas lagi? |
| اقرا الاسئلة اولا ثم اجب عن الاسئلة في الورقة<br>- membaca soalan pertama stg (أ), (ب)<br>- Pelajar mengesan / menandakan ada soalan yg dibaca oleh guru tidak terdpt dlm. edaran | |
| - Semasa PK baca - satu persatu - pelajar memerhati<br>- Pelajar tanya ' تلون ' tu apa. - PK jawab buat ayat | - satu persatu<br>- Translate dlm. BM |

Halaman:

| CATATAN PEMERHATIAN | KOMEN |
|---|---|
| - Keadaan bilik – berhawa dingin, senyap, kedua2 sisi kelas mendapat cahaya yg terang. tiada langsir. Pemandangan di sebelah kiri-kanan – pokok2 + bukit. | |
| - Ada pelajar tanya [illegible] ttg kesalahan soalan – (pelajar perempuan tampil kehadapan) PK – membetulkan / umumkan pembetulan kpd pelajar2 | |
| - Pelajar berbincang sesama sendiri – tetapi keadaan kelas tenang / senyap. | |
| - Ada pelajar tanya ustazah – PK – bergerak2 dan seorg pelajar kpd seorg pelajar. | |
| - Pelajar mula menjawab – sambil ada penerangan mengikut apa yg disoal oleh pelajar | Bhg apa paling sukar difahami pelajar, paling susah utk dijawab. |
| - PK – beberapa kali mengucapkan '(ej)' – mengajak pelajar dan 'y' – membetulkan kesalahan tanggapan pelajar. | |
| - Jarak PK dgn setiap pelajar yg bertanya ± 1 kaki. (PK berdiri, pelajar duduk) / | Jarak dgn pelajar perempuan rapat – tersentuh kdg – |
| - Ada pelajar membetulkan kesalahan dgn 'liquid paper' – setelah menyedari kesilapan semasa menjawab | |
| - Apabila reda – kurang / tiada pelajar menyoal / tanya penjelasan – PK – kedepan kelas – menyusun bahan2 di atas meja. | |
| (PK) memberikan satu set soalan latih tubi kpd (P) | |

- Seorg pelajar lelaki (depan paling kiri) paling kerap bertanya kpd ustazah

Halaman:

| CATATAN PEMERHATIAN | KOMEN |
|---|---|
| هل عرفتم الاسئلة؟ | Jawapan – lengkap |
| اجمعوا اجاباتكم ... | ↓ Kumpul jawapan utk disemak oleh PA ↓ sbb ada pelajar yg tidak sempat baca jawapan mereka di dalam kelas |
| – Kumpulkan – saya nak semak<br>– Pelajar tanya tugasan semalam – hantar kali kini<br>– Jawapan² hantar – utk disemak semula | |
| – akan di denda. | — Denda ? |
| (1) MARHANUM BT. MD. SAH.<br>(2) SITI FATIMAH BT. HJ. DAUD<br>(3) RAZINATUN BT. HJ. YASIN.<br><br>(1) MUHAMMAD ASYRAF BIN KOSNAN<br>(2) HAIRUNNAJID BIN MASHAHADI<br>(3) Muhammad Syafiq Anwar bin Saaya | Di pilih utk sesi tamu/sesi tamu (?) kerasingan lagu (?) penyelidikan (?) ↑ utk perbincangan beberapa aktiviti dlm kelas ↑ dapat pendapat dapat pelajar |
| (4) – Perasaan<br>– Tahap penguasaan<br>– minat<br>– Bagaimana penerimaan cara ustaz ajar. ok? atau tidak?<br>– Dapatkan maklumat ttg cara yg paling biasa / paling diminati oleh pelajar | Teknik soalan (?) waktu petang kurang sesuai (?) → |

Halaman:

| CATATAN PEMERHATIAN | KOMEN |
|---|---|
| - Pelajar2 ~~perempuan~~ lelaki - berulang2 kali pergi kpd. PK utk tanya soalan penjelasan/makna | - Pergi kpd. ustazah budaya di sini atau kelas ini sahaja. |
| - PK menulis sesuatu/menerang kpd. pelajar | |
| - Ada pelajar pegang buku teks | - Tiada masalah disiplin? |
| - PK tulis ✓ يذهب محمد الى الحقل / بس بر di papan putih. ✗ يذهب محمد في الحقل | - Tak perlu tegur/nasihat? selain PdP. |
| - Ada pelajar angkat tangan - | |
| - Kedengaran pelajar bising tapi tidak bising, pen jatuh. membelek buku | |
| → memeriksa jawapan pelajar - menyebut nama2 secara rawak dan - memastikan ! [illegible] (Siap!) انظر الى الاسئلة - من يقول : [illegible] | - Jawab dlm bentuk lisan - bising ↓ nama ↓ bentuk ↓ betulkan ↓ pelajar cuba jawab |
| - Bic soalan + minta pelajar menjawab satu persatu | Tugas menyemak dibuat oleh pelajar sendiri. |
| - huraikan makna bg setiap soalan yg. betul | |
| - minta pelajar ulang jawapan صحيح! | |
| [ - Pelajar memberikan makna sendiri. <br> [ - Pelajar semak jawapan + soalan - yg diberikan oleh pelajar2 lain - PK baca soalan - | Kenapa tak guna papan putih |
| يشرح الكلام الدرس (أي) الحكم يشرح الدرس pilihan jawapan | |
| - Ada pelajar isyarat kpd PK utk pilih kawannya jawab soalan (Atikah). | |
| Latihan ~~[illegible]~~ ulangan ayat / تحويل | |
| - Pelajar diminta tulis di papan putih. | / ada pelajar tanya / Kenapa ↓ PK jelaskan ↓ Lisan + guna papan hitam |
| هؤلاء أطفال صغار / [illegible] | |
| - disebutkan هؤلاء رجال أذكياء / للكبير | Skema Pemerhatian |
| - Kena potong ½ markah sbb - tata bahasa salah - | |
| هؤلاء مساجد كبيرة . | |
| - عشرون / خمسون / خمسة وعشرون / عشرون / مسـ | |

jam lepas pelajar tulis | markah betul

ش - tak ada titik

Halaman:

# APENDIKS 4
# Contoh Temu Bual

**Apendiks 4(a) Transkrip Temu Bual**
**Apendiks 4(b) Ringkasan Temu Bual**

# TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA PESERTA KAJIAN

Tarikh : 17/9/2003 | Tempat : Makmal Bahasa
Masa : 10.20 pg – 11.40 pg | Tingkatan : 1 Jannatul Firdaus
Tajuk : هيا نصلي جماعة | Peserta Kajian : Ustazah Siti

| TRANSKRIP | Komen / Catatan |
|---|---|
| P : Bismillahirrahmanirrahim, jadi.. aaa... terima kasihlah pertama sekali kerana menjadi peserta kajian saya.<br>PK : Takde masalah... | Pembukaan |
| P : Aaa.. jadi boleh tak mula-mula sekali Kak Siti ceritakan lebih kuranglah latar belakang dari segi pendidikan awal<br>PK : Pendidikan awal... Pendidikan awal daripada darjah satu hingga tingkatan empat, sekolah rakyat agama lah di kampung... Kampung Siram<br>P : Aa.. aa.. Siram...<br>PK : Kampung Siram... daripada darjah satu hingga tingkatan empat, sekolah agama rakyat je, tak pergi sekolah aa.. aaa... lepas tu sambung ... sekolah agama rakyat juga di tingkatan lima, sekolah arab Pasir Mas tu...<br>P : Kampung Siram tu... kat mana?<br>PK : Kampung Siram... Pasir Mas... jalan nak pergi Rantau Panjang...<br>P : Lepas tu...?<br>PK : Lepas tu, pegi Pasir Mas, sekolah arab tu, sekolah arab Pasir Mas tu tingkatan lima... lepas tu enam rendah, enam atas pergi Maahad Muhammadi, Kota Bharu... lepas tu sambung belajar kat UKM lah, aaa... kat UKM empat tahun. Keluar... mengajar setahun, lepas tu buat pendidikan... pergi Sarawak..<br>P : Bidang apa ya...?<br>PK : Bahasa Arab... Bahasa Arab Tamadun Islam | Pendidikan awal PK<br><br>Penempatan pertama mengajar |
| P : Yang mula-mula gi Sarawak tu.. tahun berapa?<br>PK : Tahun 1991...<br>P : Kira mula-mula...<br>PK : Mula-mula posting tu 1991, di Sarawak, ngajar Bahasa Arab sastera... Tarikh Adab tu kan... Tingkatan Enam Atas... direct naik situ, sampai habis... balik<br>P : Balik tahun berapa?<br>PK : Balik tahun 96, bulan tiga 96<br>P : Straight ngajar tingkatan enam?<br>PK : Ya straight, dia orang tak lepas, bagi tingkatan 6 semua. | Pengalaman mengajar pertama di Sarawak (1991-96) |
| P : Lepas daripada itu...?<br>PK : Lepas daripada tu... balik di Klang, Raja Mahadi, setahun ngajar Tasawwur Islam, lepas tu balik Bukit Gading... | Pengalaman mengajar di sekolah kedua (1996-97) |

| | |
|---|---|
| P : Balik 96 ya...<br>PK : 96... bulan tiga 96...lepas tu balik pegi Raja Mahadi setahun 96... bulan tiga 96 hingga akhir tahun 96, bulan satu 97 di SMK Bukit Gading, Sungai Buloh... aaa mengajar Bahasa Arab tingkatan satu... setahun... lepas tu... 99... dua tahunlah, 99 tu ambil alih Bahasa Arab tingkatan tiga, masa tu Ustaz Aziz pegang, Kak Siti pegi.. dia bagi... pengetua bagi Kak Siti pegang tingkatan tiga, daripada 99... 2000... 2001... tiga tahun berturut-turut... Bahasa Arab semua seratus peratus. | Pengalaman mengajar di sekolah ketiga (1997-2001)<br><br>Pengalaman mengajar BAK |
| P : Masa tu... sebelum tu...?<br>PK : Aaa... aaa... masa tu, sebelum tu tak. Sebelum tu 'A' ada dua orang, macam tu... Bila akak gi tu... peratus naik dan 'A' naik. Tiga tahun akak pegang, tiga tahun seratus peratus | Mengekalkan 100% lulus BAK dalam PMR 3 tahun berturut-turut |
| P : Akak mengajar tingkatan satu sampai tingkatan tiga lah?<br>PK : Akak mengajar... mula-mula pegang tingkatan satu... pas tu pengetua... tak tahulah macam mana, dia bagi akak tingkatan tiga, dia bagi Aziz tingkatan dua... ada seorang lagi ustazah tingkatan satu... dia bagi-bagi... lepas tu akak peganglah tingkatan tiga ni. Masa akak pegang tu... dia 96 ke... 96 peratus rasanya... tinggi juga. Sebelum-sebelum tu tak ada... lepas tu akak pegang tu naik seratus peratus, tiga tahun lah kekal...<br>P : Tahun... aaa...<br>PK : Tahun 99, 2000, 2001...tiga tahun akak pegang tingkatan tiga...<br>P : Straight... tiga....<br>PK : Straight tiga tahun... sebab tu pengetua susah nak lepas<br>P : Berapa ramai studentnya...<br>PK : Student dia ada 16 orang... tapi sebelum tu pun 10 orang, 9 orang... tak pernah dapat seratus peratus. Dan pelajar dapat 'A' tahun 98 tu seorang je, sebelum-sebelum tu takde dapat 'A'. Akak pergi... aaa.. 'D' takde... pelajar yang paling rendah dia orang dapat 'C'.<br>P : Kira di sana tu pelajar terpilih juga lah.. ke bagaimana..? | |
| PK : Pelajar tak terpilih juga... ada seorang pelajar tu memang dia tak pandai langsung tulis jawi, Akak pegang dia tingkatan satu... lepas tu bila akak naik tingkatan tiga...dia gi tingkatan dua...Ustaz Aziz ambil, lepas tu dia naik tingkatan... tingkatan tiga, akak ambil balik, aaa... akak tengok dia boleh dapat 'A'. Keputusan dia, result dia PMR dia keluar boleh dapat 'A'. Tapi dia memang seorang yang rajin.<br>P : Aaa... daripada tulisan dia tak boleh jawi...? | Peningkatan pencapaian pelajar yang lemah |
| PK : Daripada tulisan dia macam cacing, kalau Ustaz Aziz tahulah dia macam mana, sebab kami berdua tengok tulisan dia memang ni... teruk, tapi tingkatan tiga tu... | Bimbingan berkesan secara berterusan |

| | |
|---|---|
| bimbing, bimbing, bimbing. Hari Sabtu kelas, hari Ahad kelas, kat rumah tulah, buat balik budak, dia datang dengan bas, Kak Siti gi ambil di jalan raya tu, masuk Paya Jaras... jauh tau... haaa bawaklah dengan kereta, dua kali punggah. Pelajar lelaki dia naik motorsikal, naik basikal... pelajar perempuan akak punggah dengan kereta buat balik. Hari Sabtu, hari Ahad... | Kelas tambahan di rumah |
| P : Untuk kelas tambahan...? | |
| PK : Uunntuk kelas tambahan... | |
| P : Budak yang teruk tu...? | |
| PK : Budak yang teruk tu... | |
| P : Bimbing... bimbing bagaimana ya...? | |
| PK : Bimbing diaaa... | |
| P : Pakai... cara... cara....yang berkesan... | |
| PK : Cara... cara yang berkesan. Akak buat macam ni, buat macam ikuut... apa? Akak tengok..., peperiksaan itu, akak buat setiap bulan, soalan tu berformatkan PMR... lepas tu akak tengok result dia... katakan, bulan ni dia dapat 30... bulan depan dia boleh naik tak? Haaa dia boleh naik tak? Lepas akak bawak dia tengok satu, satu, bahagian macam 'muradifat' (perbendaharaan kata) dia mahir betul-betul 'muradifat'. Akak ambik daripada tingkatan dua 'muradifat-muradifat' dalam buku latih tubi tingkatan dua, akak taip balik... taip balik, lepas tu.. edar... dia buat... lepas tu buat 'tartiib' (menyusun perkataan), lepas tu buat macam tu... lah, ikut bahagian-bahagian mana dia mahir satu-satu... dia mahir satu-satu bahagian, sebab tu dia boleh skor markah, | Bimbing ikut format soalan PMR<br><br>Latih tubi |
| P : Daripada dia ta tahu apa-apa...? | |
| PK : Daripada dia tak tahu apa-apa... Ustaz Aziz tahulah macam mana... tapi dia seorang pelajar rajin lah. Dia... macam karangan dak... kita tak suruh pun dia buat... kita bagi tajuk... haaa buat-buat dalam kelas, siap hantar semua... lepas tu... balik kalau kamu ada tajuk-tajuk yang kamu rasa nak buat... buat, lepas tu hantar kat ustazah... semak...dia buatlah dia hantar... | Menyemak kerja pelajar |
| P : Macam mana dia buat tanpa bimbingan? | |
| PK : Tanpa bimbingan...? Dia ada buku-buku rujukan... semua kan, dia boleh tengok... lepas tu dia tak tahu dia tanyalah... dia tanya Ustaz Aziz... dia tanya akak... macam tu lah dia buat... tapi dia seorang pelajar yang rajin lah. Situ ada seorang lagi... Rashidah... macam tu jugak...tahun-tahun... tahun 99... Rashidah yang teruk... sekarang dia masuk politeknik dah. Yang tahun selepas tu... nama dia Nikmah... aaa... daripada tak tahu apa-apa... | Bahan bantuan pembelajaran |

| | |
|---|---|
| P : Lepas tahun 2001 macam mana pencapaiannya?<br>PK : Lepas tahun 2001, akak mari sini (*sekolah yang beliau sedang berkhidmat sekarang dan tempat penyelidik sedang menjalankan kajian kes ini, iaitu sebuah sekolah berasrama penuh yang baru ditubuhkan di negeri Selangor*) pertengahan 2002... tapi akak masih pergi buat kelas sana... sebab pengetua, dia... dia kata... ustazah walaupun ustazah pergi sini...ustazah kena datang juga buat kelas tambahan di sana. Saya pergilah, hari Sabtu, hari Ahad pergi... Kadang.. ada masa petang hari Jumaat pergi kat Bukit Gading... 2002 pun markah dia... result dia masih seratus peratus. Tahun ni tak tahulah macam mana? Yang budak-budak tahun ini akan menghadapi peperiksaan PMR ni, tak tahulah macam mana.... | Mulai 2002 hingga sekarang di sekolah baru (Sekolah Berasrama Penuh – Aliran Agama yang baru dibuka di Selangor)<br><br>Tahun 2002 masih pergi buat kelas tambahan walau sudah bertukar sekolah |
| P : Tahun ni tak pergi buat...<br>PK : Tahun ni tak pergi.<br>P : Sibuk...?<br>PK : Sibuk, penuh... tak dak masa.<br>P : Lepas tu, banding dengan pelajar sana dengan sini macam mana pulak?<br>PK : Aaa... sini lagi bagus, dia punya cepat tangkap... pelajar sana... memang... orang kata... teruklah, mana yang kita bagi hari ini esok dia lupa. Bagi hari ini esok dia lupa, tapi... sabarlah... sabar banyak dan korban masa. Masa... tak de lah nak balik macam orang... awaal... selalu balik empat setengah, pukul lima.. duduk sana... lepas tu hari minggu... tak de hari minggu, cuti... cuti umum tak de cuti umum, cuti bersalin 60 hari tu... Ustaz Aziz tolong gantikan, lepas tu akak tak sampai 60 hari, akak turun dah sekolah, semata-mata ajar Bahasa Arab je lah, turun waktu Bahasa Arab aje... Bahasa Arab akak turun... mengajar macam tu lah...<br>P : Boleh hadapi ya seteruk tu...? | |
| PK : Boleh... aaa... boleh... tapi tu... la... kena banyak sabarlah, dengan latih tubi banyak, memang nak mengadapi kerenah dia tu... faham lah dak...?<br>P : Latih tubi... yang... yang dimaksudkan tu, latih tubi dari segi... macam mana ya...? Komunikasi...?<br>PK : Komunikasi... seorang, sorang akak bagi latihan kat dia... sebab dia sikit kan, dia sikit... lepas tu akak semak tu sorang, sorang... macam dia salah apa... cerita dia ni salah ni, ni salah ni, salah ni... karangan... macam tu lah, sorang, sorang, sorang, sorang... pas tu, pengetua pun dia masuklah tengok macam mana ustazah ni mengajar... aaa... dia kata, ooo... patutlah dia kata budak boleh... | Bentuk pentaksiran dan bimbingan seorang demi seorang |

| | |
|---|---|
| P : Maknanya kena berdamping...<br>PK : Aaaa... berdamping dengan pelajar sorang sorang. Sebab tu sini ramai... (sekolah ini dalam kelas ini yang sedang diperhatikan), kita boleh juga sebab dia baru 30 orang, kita boleh lagi pergi sorang, sorang. Kalau 40 orang... macam subjek lain 40 orang, susah jugak... err ini kira ok lagi. | Perlu berdamping dengan pelajar |
| P : Macam penggunaan power point tu kebiasaan lah...?<br>PK : Taaak...tahun ni baru belajar, aaa... daripada bulan berapa ya... belajar hari tu... dengan Ustaz Aziz, sampai pandai lah dia ajar...<br>P : Di sini memang biasa diguna...<br>PK : Aaa... di sini memang biasa guna tu, guna power point.. dengan makmal ni lah... makmal satu... guna network tu... terus ke online ke komputer-komputer, dia orang belajarlah situ... pasang depan dia orang belajar...<br>P : Ustazah tengok kan, bila guna benda-benda macam tu, dia... pelajar tu macam mana dari segi cepat tangkap dengan ataupun dari segi....<br>PK : Dari segi cepat tangkap... cepat tangkap...yang macam tu...<br>P : Minat tak...?<br>PK : Minat aaa... minat, dia minat guna benda-benda macam tu. Kalau kita mengajar kelas biasa... dia tak... nii... tak minat, dia tidur... dia main... macam-macam lah... ramai yang tidur lah... ramai yang tidur... yang ni kita bawak ke sini... bilik pun aircond... lepas tu guna ABM pulak... tu dia suka laa... | Alat bantu mengajar tarik minat pelajar |
| P : Macam P&P tadi... aaa... aaa... dia objektifnya... secara umumnya tadi...?<br>PK : Secara umum, pelajar dapat membaca... aaa...aaa... target pelajar dapat membaca... lepas tu dia faham... | Objektif membaca teks |
| P : Ulangkaji...? (Maksud saya pelajaran yang baru dilihat sebentar tadi ialah ulangkaji pelajaran yang telah diajar sebelum ini di dalam P&P yang lain)<br>PK : Ulangkaji... dia baca dan dapat jawab soalan laa... | |
| P : Kalau masa mula-mula teks tu diajar... dia macam mana prosesnya...?<br>PK : Aa.. aa.. Boleh!... budak-budak... budak-budak ni memang dia pandai dah. Kita pasang tiga kali... tiga kali.. kita suruh dia baca... pas tu dia boleh baca. Adalah sorang dua yang lemah macam Suria tadi dia lemah sebab dia tak ada asas Bahasa Arab... tapi menghadapi dia memang... kena sorang-sorang lah... duduk dengan dia... ajar... waktu ni lah... waktu pukul tiga... waktu prep dia... panggil... dia mari sini... macam tu lah... | Mendengar berulang kali dan mentaksir kebolehan membaca<br><br>Bimbing pelajar lemah berasingan |

| | |
|---|---|
| P : Di luar kelas...?<br>PK : Di luar kelas lah... di luar kelas...<br>P : Kalau dalam kelas ni... dalam kelas...?<br>PK : Dalam kelas... tak... tak sempat masa... masa sikit... kita nak kejarkan silibus... tak boleh... dia kena di luar kelas...<br>P : Di luar kelas...<br>PK : Waktu malam... kelas tambahan tu lah... akak Pilih daripada tiga kelas yang akak ajar tingkatan satu, akak buat kelas tambahan campur yang lemah tu... buat kelas tambahan... macam tu je lah... tapi ketua panitia tak tahu pun... akak tak beri tahu pun...<br>P : Macam mana...?<br>PK : Ketua panitia tak tahu (tegas suara dan tergelak)... akak tak bagi tahu pun, aaa... Cuma pentadbir tahu lah... Kadang-kadang datang... anak tinggal rumah HEM tu (kuarters guru PK HEM sekolah). Tiga-tiga beradik tu...<br>P : Banyak berkorban... sampai...<br>PK : Kita letak anak situ... mari ngajar sini... lepas tu balik ambik anak balik... macam tu lah...<br>P : Tapi keluarga terlibat semua lah...?<br>PK : Aa.. aa.. terlibat semua.<br>P : Suami pun...<br>PK : Suami pun macam tu lah...<br>P : Dia kerja dia....<br>PK : Dia tak kisah...<br>P : Dia kerja dia aaa...<br>PK : Suami saya dia kerja office hour...<br>P : Office hour...<br>PK : Dia senang...<br>P : Tak dak masalah...?<br>PK : Tak dak... aaa...Cuma ada lah sekali-sekala dia kena pergi Terengganu... macam ada bot.. bot, rosak.. rosak.. dak? (* *Suami PK adalah seorang pegawai Polis Marin yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman – turut mengendalikan hal-hal berkaitan dengan bot-bot polis di seluruh perairan negara*) Ha dia pegi lah jugak. Tapi jarang lah... balik tu... | Tekanan menamatkan sukatan pelajaran |
| P : Itu tak jadi masalah... dari segi...<br>PK : Tak dak.... Tak dak masalah...<br>P : Persiapan-persiapan...<br>PK : Akak dah biasa lah hidup susah... susah...<br>P : Tapi persiapan di rumah untuk bawak... ni... untuk bawak mengajar...? Bahan-bahan...?<br>PK : Memang... malam tu berkorban lah........ ...... Hari minggu... akak tusyen di Prestij (*Pusat Tusyen Prestij*)... Rawang... pusat tusyen di situ... dah puas | |

| | |
|---|---|
| menolak, puas menolak... dia nak jugak... sebab pernah tahun 2000 akak... tusyen kat situ... peratus dia naik... lepas tu dia cari balik akak...? nombor talipon tukar pun dia boleh dapat jugak (gelak), ... akak pegi ngajar balik kat situ... Sabtu... Ahad.. dua jam, dua jam... | |
| P : Saya tengok tadi kan...? Boleh ingat semua nama... ramai nama... memang... memang... apa ni...proses... ada proses nak dapat kenal nama orang ni... nama semua kelas ingat nama ya...?<br>PK : Memang ingat nama... insya Allah lah... ingat nama... Cuma 1 Adni (Tingkatan 1 Adni, kelas lain) tu... sebab, budak-budak dia jenis diam sikitkan, jadi... dia... nama tak berapa ingat juga... budak-budak lelaki... budak-budak perempuan ramai ingat lah... Tapi kalau dua kelas... Firdaus dengan Makwa (Tingkatan 1 Firdaus dan Tingkatan 1 Makwa) tu... memang ingatlah nama-nama dia orang tu. | Ingat nama pelajar semasa P&P memudahkan amalan pentaksiran |
| P : Lepas tu...cara... macam... aaa... tanya soalan...<br>PK : Eeem...<br>P : Em.. tentu pelajar tu macam mana...? Secara... secara rawak ke atau pun...<br>PK : Secara rawak... secara rawak... aje..<br>P : Macam mana cara pilih... pilih.. dia<br>PK : Secara rawak aje... .... Sebab kalau boleh nak semua terlibat... aaa...<br>P : Terlibat...<br>PK : Ada juga yang seorang dua yang tak ingat nama tu... miss jugak... (tergelak).<br>P : Ke mungkin ada kriteria tertentu...<br>PK : Tak dak... tak dak....<br>P : Masa ada buat apa-apa ke...?<br>PK : Dak.....<br>P : Tak dak...?<br>PK : Aa.. aa.., tapi kebiasaannya kalau kelas Makwa tu, akak tengok budak yang paling lemah sekali akak soal...<br>P : Paling lemah...<br>PK : Aaa... budak paling lemah tu.. jadi mangsa... kata minta maaf lah.... | Teknik menyoal secara rawak<br><br>Soal pelajar paling lemah |
| P : Kalau macam kelas ni... macam mana...?<br>PK : Kelas ni sebab dia semua dia punya pencapaian dia... orang kata lebih kurang... aaa... lebih kurang... pencapaian dia... macam Makwa tu dia ada budak yang lemah dua, tiga orang... macam satu kelas Adni tu... lagi ramai yang lemah... kelas tu... jadi... apa tu... cara pendekatan tu lain... kena sorang, sorang... lambat sikit dia... proses dia... untuk kelas dia... | Pendekatan menyoal pelajar berbeza mengikut tahap penguasaan pelajar |

| | |
|---|---|
| P : Macam masa... masa mengajar tu kan... dapat kesan macam mana cara... daripada air muka pelajar tu.. macam mana kita dapat...<br>PK : Nak dapat kesan... kita tahu... pelajar yang pandai ni... dia bila kita soal tu... dia angkat tangan... macam kita tidak sebut nama sapa... sapa dak...kita tanya muradifat ni... perkataan ni... dia angkat tangan... angkat tangan... banyak kali angkat tangan... murid tu pandai tu... pandai tu... aaa... Kita boleh kenal tu sapa... macam... Rajnatun memang budak pandai, memang... Asyraf, Fuad... aaa... Najib... tapi seorang budak tu... nama Fauzi... dia markah dia teruk sangat mula-mula dia masuk... sampai dia rasa macam nak kecewa dah lah... saya kata tak pe... tak pe... duduk... ustazah... ustazah akan bimbing... sampai periksa baru ni dia orang dapat 90 lebih... dia naik... naik...<br>P : Dia rasa macam kecewa...?<br>PK : Dia rasa macam kecewalah sebab dia tak ada asas Bahasa Arab... dia mari sini... belajar Bahasa Arab... lepas tu, mula-mula periksa ujian Januari... ujian Februari... dia gagal... tu rasa macam dia tak dak mood nak belajar apa semua... bagi motivasi lah kat dia... saya kata memang kamu boleh... ustazah pernah mengajar budak yang macam ni, macam ni... dia akhir dia berjaya... tapi kamu kena usaha... jadi dia usaha lah... dia tak tahu dia tanya, dia tak tahu dia tanya... dia buat, dia hantar... tapi dia... perkembangan dia... markah dia... naik, naik, naik, naik... sampai periksa pertengahan pertama dapat 90...<br>P : So... peringkat... masa peringkat dia tak dak mood tu kan, masa teruk...<br>PK : Aa.. aa..<br>P : Penglibatan dia dengan ustazah memang aktif lah...? Ke macam mana?<br>PK : Memang... dak... orang kata tak aktiflah macam rendah diri... nak mengasingkan diri... tapi... akak bagi dia semangat lah... motivasi... aaa... kamu boleh... kerana kamu buat rajin... kalau kamu rajin jawab soalan yang saya bagi... kamu jawab buku latih tubi...aktiviti latih tubi... kamu jawab buku latih tubi... hantar kat ustazah, ustazah semak... insya Allah kamu dapat...<br>P : Dan dia buat...?<br>PK : Dan dia buat! Dia rajin budak tu... dia sebenarnya budak ni... dia tak pandai macam mana pun kalau keinginan dia ada... memang dia boleh... tapi kalau dia pandai pun kalau dia malas... lama-lama tu dia akan ni... jugak... dia akan kalah jugak... itu lah... | Mentaksir tahap penguasaan pelajar melalui reaksi apabila disoal<br><br>Soalan guru dapat mentaksir kebolehan & kelemahan pelajar secara cepat<br><br>Kesan kelemahan pelajar dan terus beri bimbingan<br><br>Peningkatan tahap pencapaian selepas dibimbing<br><br>Pentaksiran untuk pembelajaran berlaku dan membantu meningkatkan pencapaian pelajar |

| | |
|---|---|
| P : Aaa.. masalah arahan tu... kan...? Kita bagi... soalan-soalan tu kan... semua guna Bahasa Arabkah...?<br>PK : Aaaa... Ada juga Bahasa Melayu...<br>P : Macam mana proses... sampai peringkat dia boleh ingat semua arahan-arahan tu kan... bukan benda yang mudah.<br>PK : Akak bagi istilah juga kat dia... istilah-istilah tu suruh dia ingat. Ada satu kertas istilah tu dapat daripada Ustazah Hanisah, akak bagi kat dia... ni kamu kena hafal ni kena ingat... lepas tu... kan kita masuk kan... dia tahu lah...lepas tu saya kata... kamu gunalah istilah-istilah ini dekat asrama... dekat dewan makan... tapi jarang juga dia orang guna... Cuma dia tahu lah macam tu... selalu juga didik-didik dia...<br><br>P : Itu sebab bila tanya dia... dia boleh faham...?<br>PK : Haa... dia boleh terjemah... dia bolehlah... dia boleh ikut... aaa...<br><br>P : Boleh jawab...?<br>PK : Dia boleh ikut... aaa... sebab dah bagi awal... daripada awal tahun hari tu kan... dia ada '*Tahbib al-Lughah*' tu kan...? (*Program Mencintai Bahasa Arab khusus untuk pelajar baru di tingkatan 1*). Aaa... '*tahbibul lughah*' tu lah... masa '*tahbibul lughah*' tu, bagi arahan-arahan tu... banyak arahan yang Ustazah Hanisah dia buat di sekolah dia dulu... Raja Ali... kan... (*SMK Raja Ali, Kuala Lumpur*)... lepas tu Kak Siti ambillah dengan dia modul... | Membiasakan arahan soalan diberi dalam Bahasa Arab tanpa diterjemah |
| P : Aaa... itu dari segi arahan.... Dari segi komunikasikan... dari segi ayat-ayat yang digunakan... oleh ustazah kan... ayat-ayat dalam Bahasa Arab... kan...<br>PK : Aaa... aaa... ayat-ayat yang senang aje...<br><br>P : Agak-agak budak-budak tu.... Budak-budak tu memang boleh faham ke...?<br>PK : Boleh... insya Allah boleh aaa... aaa... sebab ayat dia, ayat-ayat yang senang-senang... ada jugalah yang tak faham... yang tak ada asas Bahasa Arab langsung tu... akak '*translate*' jugalah ke Bahasa Melayu... haa... kalau kita dah terang, terang, terang... banyak kali dia tak faham... '*translate*' dalam Bahasa Melayu juga kat dia... kalau tidak tak de guna... dia tak faham, kita mengajar... aaa... sebab pengalaman... pengalaman lah... tengok orang yang mengajar dia guna '*full*' Bahasa Arab... budak tak faham... dia tak boleh nak buat apa juga... | Pelajar hanya dapat berkomunikasi dengan ayat yang mudah sahaja lagi. Belum cukup mahir. |

| | |
|---|---|
| P : Jadi dia sorang cakap...<br>PK : Aaa... dia sorang syok sendiri... sebab tu akak, bila akak ambil tingkatan 3 tu... akak cubalah kaedah tu... kaedah campur lah... untuk Bahasa Arab tu... '*translate*' sikit-sikit kat dia... boleh... insya Allah... | |
| P : Satu lagi berkenaan dengan masalah... pelajar masa dia kita bagi tugasan... biasa masalah pelajar ni...<br>PK : Masalah pelajar... ada juga yang lambat siap... sebab dia banyak kerja kan... macam kalau kita bagi kerja rumah gini... (*sambil membelek-belek sebuah buku latihan pelajar yang baru dihantar semasa pengajaran yang baru lepas*), ni baru hantar... daripada belum cuti lagi... sebab banyak sangat... terlalu banyak kerja rumah... semua subjek... bagi kerja rumah... bayangkan sembilan subjek... semua ada kerja rumah... kita pun faham diaa... tak de masa... tapi... kalau akak ambil satu waktu... waktu belajar... yang mana-mana tak siap... haa... siapkan sekarang... kita belajar satu masa... masa terakhir tu... biarkan dia siapkan kerja-kerja dia... kalau tak... benda tu tak kan siap... lepas tu kesian lah dengan dia... | Masalah pelajar banyak bebanan kerja – lambat siap tugasan<br><br>Guru memahami dan bertimbangrasa / pentaksiran tidak menekan pelajar – ikut kesesuaian |
| P : Maknanya dari segi... bila mengajar tu kan... aaa... pembahagian untuk menilai dia... mentaksiiir...<br>PK : Kebolehan... kebolehan dia...<br><br>P : ...banyak diselesaikan dalam kelas ke banyak dibuat di luar kelas...?<br>PK : Banyak dalam kelas... banyak dalam kelas... banyak dalam kelas... sebab aaa... sikit aje kat luar... kat luar sikit je... banyak dalam kelas... apa-apa pun... selesai dalam kelas... | Banyak aktiviti mentaksir diselesaikan dalam bilik darjah |
| P : Aaa... cara nak menanya soalan tu macam mana...?<br>PK : Apa dia...?<br>P : Kalau budak tak faham...? Macam mana...?<br>PK : Tanya secara umum dulu... lepas tu, kalau ada tanya dalam Bahasa Arab dia tak faham... kalau dia tak faham juga... sapa yang tak faham angkat tangan... angkat tangaaan... sorang, sorang sapa-sapa yang tak faham... terangkan lah balik kat dia orang tu....<br><br>P : Maknanya ubah balik soalan tu...?<br>PK : Ubah balik soalan tu... tanya dululah berapa orang yang tak faham...? Angkat tangan...? Haa... dia orang angkat tangan... lepas tu kita terangkan balik... | Mengubah aras soalan dan menghurai ikut tahap kefahaman pelajar |

| | |
|---|---|
| P : Budak-budak ni takde masalah ke...?<br>PK : Tak ada masalah... budak-budak tak ada masalah... pasal dia budak... memang takde masalah... Cuma kita tu lah... kita pun tak banyak juga perbendaharaan kata, macam... macam orang luar negeri lain lah... dia banyak ni... kan...? Bakat bercakap Bahasa Arab... kita ni... sebab kat sini... bukan guna banyak sangat... Cuma tahu macam tu je lah... mudah, mudah... senang, senang... | Ada unsur merendah diri kerana tidak pernah terdedah belajar di luar negeri (negara Arab) |
| P : Aaa... penggunaan kamus... saya tengok tadi pelajar... dia... bila bagi ujian... dia tengok, belek, bincang... sama-sama...<br>PK : Aaa... aaa...<br>P : Memang benda tu biasa berlaku... ke...?<br>PK : Aaa... aaa... biasa berlaku, memang kita mendidik dia tengok kamus dulu... tak tahu, baru tanya ustazah... sebab mula-mula... bulan pertama... buat... kita bagi, kita bagi, kita bagi... lepas tu masuk bulan kedua, tanya... tak tahu... eleng kepala... sebab dia dok bergantung kepada kita... tak pe, tak tahu... ustazah beri tahu... aaa... sekarang, dia cari dulu...lepas tu, baru kita bagi tahu... kalau dia tak dapat... dia tanyalah... ustazah... saya tak dapat perkataan ni...<br><br>P : Bulan, bulan pertama... dibimbing....<br>PK : Bulan pertama tu, memang bimbing, memang bagi tahu, terjemah kat dia, bagi sebiji-sebiji kat dia... tapi... kesan dia... tengok budak... teruk lah, sebab tu Kak Siti ubah pada biar dia tengok kamus... dia cari kamus sendiri.<br><br>P : Setiap pelajar tu... ada kamus yang tak sama lah...?<br>PK : Tak sama... ya, macam-macam kamus... kita pun tak... tak '*standard*'kan kamus apa yang dikenakan... asalkan dia ada kamus, sebab dia dah beli... masa mari tu, memang dia dah beli dah kamus, kesian pulak... buat habis duit... kata orang tu... tak pa asalkan kamu ada kamus Bahasa Arab – Melayu, Melayu – Arab... ha... sudah... macam tu lah... | Pelajar dilatih membiasakan guna kamus |
| P : Biasanya kesalahan-kesalahan yang ketara, yang... di kelas inilah... macam aaa... yang ustazah biasa betulkan, membetulkan kesalahan yang berlaku tu dari sudut apa?<br>PK : Dari sudut ni, lah... susunan-susunan ayat tuu... macam '*fi'il, fa'il...., jumlah fi'liyah, ismiyah*'... macam tu aje lah, lepas tu *alif lam*, tak da *alif lam*... haa... biasa tulah kesalahan dia orang... | Berbagai bentuk kesalahan yang dikesan semasa pentaksiran dalam bilik darjah |

| | |
|---|---|
| P : Sebutan-sebutan... macam mana...<br>PK : Sebutan-sebutan... betulkan juga... ada juga sebutan-sebutan... sebab dia orang... bukan semua datang tu dari sekolah agama... ada ramai tu... yang tak sekolah agama...<br>P : Habis tu masuk macam mana dari sekolah tak agama ke sekolah agama...?<br>PK : Haaa... dia tak belajar... tak pernah belajar Bahasa Arab... dia mari sini... dia belajar Bahasa Arab... masa '*Tahbibul Lughah*' tu lah... | |
| P : Dari segi masalah.... Macam mana masalah...?<br>PK : Masalah...?<br>P : Terutamanya masalah dari segi masa P&P...? masalah nak mengendalikan para pelajar...?<br>PK : Masalah... tak ada sangatlah masalah... tak ada...<br><br>P : Yang berkaitan dengan apa ni...? Tugasan-tugasan lain ke...?<br>PK : Dari segi gangguan tu ada laa... macam tengah-tengah mengajar... ada orang datang nak... apa...? Mintak kunci bilik makmal... nak ambik... ohp... nak ambik apa tu... projektor apa... lepas tu koperasi datang... telefon turun... turuun... maknanya masa mengajar tu terganggulah... memang terganggu...<br><br>P : Jadi dari segi masalah pelajar tu... peringkat tinggi... cerdik ke... tak de masalah...?<br>PK : Tak da masalah... sebab dia hampir sama... aje... pencapaian dia... | Masalah gangguan semasa mengajar berkaitan dengan tugasan lain di sekolah |
| P : Hampir sama...?<br>PK : Cuma kelas Adni... ada sorang tu... memang... aaa... dua orang... dua orang tu memang pencapaian dia... memang rendah lah... tu... yang asingkan dia tu... asingkan dia... bagi...<br><br>P : Asing macam mana...? Dalam kelas....?<br>PK : Asing... maksudnya bila... katakan pelajar.... Pelajar-pelajar ni... lepas '*al-Qira'a*h' (pelajaran membaca) tu... pelajar-pelajar ni kita bagi soalan yang susah sikit... pelajar-pelajar lain tu soalan yang ada dalam buku... dia tu kena bagi soalan yang senang sikit... kena buat macam tu lah...<br><br>P : Dalam kelas tu lah...<br>PK : Ada... Dalam kelas tu... ada dua orang pelajar yang macam tu... | Masalah pelajar lemah dibezakan pendekatan mengajar – aras soalan mengikut tahap pelajar |

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

| | |
|---|---|
| P : Jadi... dia buat macam tu...<br>PK : Aaa... buat macam tu... dan... dua orang tu sekarang ni, dok tengah... bimbing tu... untuk naikkan dia punya markah dia... markah dia 45... 50... hak 50 tu... 'D' lah tu... aaa... tu yang nak ubah markah dia naik ke 'B',.. 'C'... tapi... dia pun malas sama... haa... tu yang susah tu... macam yang Fauzi tu tak pa dia jenis rajin... dia rajin, cepat.... Cepatlah dia boleh meningkat... kita bagi soalan dia tak jawab... tak boleh juga...(tergelak).<br>P : Ooo... yang tak boleh ni....<br>PK : Ada... ada... ada dua orang tu kelas Jannatul Adni... ada dua orang... pelajar lelaki laa... malas sikit... | |
| P : Aaa... masalah dengan ibu bapa...? Jadiii... ada tak...?<br>PK : Tak puas hati ke apa-apa...? Tak de...setakat ni alhamdulillah lah tak de lah... setakat ni lah...tak de lah komplen apa-apa, Cuma ada sekali hari tu... dia suruh buat kelas tambahan... kelas tambahan anak dia baru masuk... dia masuk... tiga bulan dah orang belajar, jadi dia ketinggalan... nama Hazid lah dia ni... lepas tu... dia... periksa... dia dapat markah... 55 rasanya... lepas tu dia telefon lah.. telefon saya... suruh buat kelas tambahan untuk anak dia... berbayar pun tak pe... tapi akak... di sekolah ni akak tak ambik apa-apa bayaran... '*free*' je lah... sebab kita ingat... kita ada anak kan...? Kita ajar anak orang dengan bagus... orang ajar anak kita dengan bagus... (tergelak) macam tu je lah... tak pernah ambik bayaran...<br><br>P : Untuk sekolah....<br>PK : Aaa... untuk sekolah ni... akak di Bukit Gading tu macam tu... tak pernah ambik bayaran... fotostat apa-apa... duit sendiri... tak pernah mintak dengan pelajar...<br>P : Tak ambik duit sekolah....?<br>PK : Tak... tak... tak... macam yang ni... kat sini... tak apa lah... boleh guna kat sekolah... tapi kalau kat Bukit Gading tak boleh... semua sendiri... tanggung sendiri... | Ada ibu bapa minta guru bagi kelas tambahan khas untuk anaknya untuk tingkatkan pencapaian |
| P : Masalah dengan ni...dari segi nak... tekanan nak menghabiskan silibus...?<br>PK : Silibus... aaa... tu yang....<br>P : Aaa... buat macam mana...?<br>PK : Memang aaa... tu yang tekanan tu. Sebab silibus nak habis cepat... kita nak pelajar tu betul-betul mahir... dia sepatutnya silibus habis bulan tujuh... akak baru habis... baru ni, baru tu... akhir bulan baru ni... baru habis... haa memang kita mengejar silibus... siang malam, siang malam... Malam ni... katakan, malam | Masalah dan tekanan untuk menamatkan sukatan<br><br>Kesuntukan masa |

| | |
|---|---|
| Selasa... akak buat kelas... untuk... Makwa (Tingkatan 1 Jannatul Makwa), malam Rabu... kelas untuk Firdaus... malam Khamis... kelas untuk Adni... tiga kelas dah tu... lepas tu satu kelas lagi tu... kelas pemulihan tu... empat malam lah... empat malam... empat malam... | |
| P : Pemulihan tu untuk budak yang....?<br>PK : Untuk budak yang markah dia 'D'... 'C' lah...<br>P : Campur semua kelas...?<br>PK : Ya... campur semua kelas... tiga kelas tu... ada 12 orang tu... aaa... campur semua bawak ke sini.... malam... pukul sembilan .... pukul sepuluh setengah... atau pun pukul sebelas... maknanya malam tu... *puu... puuu*.... Sampai baru ni demam tak boleh bangun... (gelak).... Penatlah... | Kelas pemulihan untuk pelajar lemah |
| P : Oooo... jadi... bila tekanan nak habiskan silibus tu... jadi mengajar tu dia jadi macam ni...?<br>PK : Kena... bagi cepat lah... budak-budak yang lemah tu... kadang-kadang dia tak dapat... nak tangkap... haa... itu yang bawak ke malam pulak tu... yang bawak ke malam... atau pun dia orang yang tak faham... dia orang datang balik tanya... haa... budak-budak ni tak pe... dia jenis tanya... dia tak faham belajar dalam kelas... dia datang jumpa kita balik dia tanya...<br><br>P : Jadi kelas malam tu boleh menampung lah...<br>PK : Aaaa... kelas malam tu boleh menampung... boleh menampung... kalau tak buat kelas tambahan malam... kelas petang... memang... *tak dan*... kalau ikut SBP (Sekolah Berasrama Penuh)... bulan tujuh tu semua subjek kena habis dah silibus... sebab dia... lepas tu ulangkaji... lepas ulangkaji... budak periksa... macam bulan sepuluh... lepas budak periksa... kena masuk silibus tingkatan dua dah... kena mengajar silibus tingkatan dua... payah sikit kat SBP macam tu lah... | Kelas tambahan malam untuk pastikan sukatan ditamatkan ikut jadual |
| P : Habis tu dari segi pencapaian pelajar... bila... bila sukatan habis dah... dia memang boleh ke....?<br>PK : Boleh... boleh... sebab dia pelajar yang ni... pelajar yang bagus... dia boleh...<br>P : Dia boleh bercakap... Arab ke...?<br>PK : Bercakap Arab tak berapa juga laa... tak... boleh sikit-sikit aje... cakap Arab... sebab dia banyak kepada menjawab soalan... banyak menjawab soalan dengan... membaca lah... membaca... | Kemahiran bertutur Bahasa Arab tidak begitu mahir kerana banyak tumpuan diberikan kepada menjawab soalan dan membaca. |

| | |
|---|---|
| P : Jadi kepakaran dia....<br>PK : Ya.. lah... akak ingat... bila dah habis silibus ni... dah habis periksa... bulan sepuluh ni... periksa enam haribulan... akak nak ajar dia bercakap lah... nak beli... kalau ustaz ada... cd ke...atau tape-tape... perbualan Bahasa Arab... boleh lah... bagi akak... jual kat akak ke... sebab akak nak ajar dia bercakap... pulak... itu memang nak tumpu betul-betul cakap... Akak pun memang nak belajar sama... kita ajar dia... kita dapat... kalau ustaz ada apa-apa yang ustaz buat ke... boleh lah.. | Guru bercadang untuk melatih bercakap Arab selepas tamat sukatan (di akhir tahun) |
| P : Untuk akhir sekali lah... yang biasa disebut... pentaksiran untuk membantu pembelajaran pelajar...<br>PK : Aaa.. aaa...<br>P : Yang... pengalaman... yang mungkin akak pernah alami dan juga tahu... mungkin ada kursus pernah diikuti... apa yang difahami... maknanya kita sebut.. pentaksiran yang dalam kelas tu... dalam masa kita mengajar tu... boleh membantu pelajar-pelajar...<br>PK : Pentaksiran macam mana ya...?<br>P : Bentuk-bentuk penilaian atau pengujian...<br>PK : Oooo... pengujian... pengujian secara... secara lisan, secara bertulis... secara soal individu... dan secara bertulis... kertas-kertas edaran... macam tadi lah... edaran... bagi...<br>P : Dia... dari segi... macam soal jawab, ataupun perbincangan... kuiz... yang dalam kelas tu... banding dengan ujian mingguan atau bulanan tu, yang mana paling... paling rasa... paling membantu lah...?<br>PK : Paling membantu...? Yang... ujian... yang apa ni.... Kita buat dalam kelas tu lah... haa... yang tu... boleh membantu... yang tu membantu untuk dia cemerlang dalam... apa tu... peperiksaan pertengahan tahun... ke apa tu... kelas akak pegang.... tiga kelas tu... tak de lah '*fail*' semua lulus lah... tiga-tiga kelas tu... Cuma... 'A' lah... 'A' keseluruhan campur empat kelas, satu kelas tu Ustazah Hanisah ajar... 60 berapa peratus... 61 lebih lah... 'A'. Tapi SBP ni... dia nak 80%... sekurang-kurangnya 80%... belum tercapailah tahap 80% tu... Cuma satu kelas... kelas Firdaus tu... 80.5% punya 'A', pelajar 'A'... lepas tu 'D' tak ada... 'C' ada... | Bentuk-bentuk pentaksiran yang diamalkan<br><br>Amalan pentaksiran dalam bilik darjah membantu pencapaian cemerlang dalam peperiksaan |
| P : Jadi terima kasih lah untuk hari ini. Terima kasih cerita panjang lebar dan banyak yang ustazah bagi hari ini.<br>PK : Sama-sama, tak pe... tak de masalah. | Penutup |

## RINGKASAN TEMU BUAL

| Nama Peserta Kajian: Ustazah Siti | Tempat: Makmal Bahasa |
|---|---|
| Tarikh: 17 September 2003 | Bilangan Temubual: 1 |

**APAKAH TAJUK UTAMA, ISU ATAU SOALAN YANG MENJADI FOKUS TEMU BUAL?**

- Latar belakang PK berkenaan asal, pendidikan awal, pengalaman mengajar di sekolah terdahulu dan pengalaman mengajar di dalam mata pelajaran BAK.
- Bagaimana PK mengamalkan pentaksiran di dalam bilik darjah semasa proses P&P berjalan dan bagaimana amalan yang dilakukan itu dapat membantu pembelajaran pelajar.
- Mengenal pasti jenis, pendekatan dan kaedah pentaksiran yang diamalkan di dalam bilik darjah.
- Meninjau apakah masalah yang dihadapi oleh PK semasa menjalankan proses P&P dan amalan pentaksiran di dalam bilik darjah.

**RINGKASAN DATA YANG DIDAPATI DAN YANG TIDAK DIDAPATI?**

- Hasil temu bual berjaya mendapat maklumat diri berkaitan dengan tugas guru, aktiviti P&P dan pengalaman yang pernah dilaluinya.
- Huraian yang panjang berkenaan aktiviti pentaksiran, bimbingan dan program yang berterusan sehingga berjaya mengekalkan pencapaian 100% lulus tiga tahun berturut-turut bagi mata pelajaran BAK di dalam PMR.
- Amalan pentaksiran dan bimbingan berterusan yang membantu pembelajaran pelajar di dalam bilik darjah sekaligus meningkatkan pencapaian di dalam peperiksaan.
- Bimbingan kelas tambahan, pelbagai kaedah pentaksiran, latih tubi soalan format PMR, menumpukan seorang demi seorang sehingga mampu mencapai tahap yang disasarkan.
- Mentaksir kebolehan pelajar semasa proses P&P, mengesan pelajar yang cemerlang dan lemah, membimbing terus pelajar yang lemah secara berterusan sehingga berjaya meningkatkan diri.
- Membuat banyak kali pengulangan di dalam pengajaran dan kemudian mengemukakan soalan atau latihan membaca teks sebagai aktiviti pentaksiran.
- Menghadapi masalah kesuntukan masa dan tekanan untuk menamatkan sukatan pelajaran.
- Mengingati nama dan menyebut nama semasa meminta pelajar menjawab soalan. Pentaksiran di dalam bilik darjah perlu kemahiran guru mengingati nama pelajar untuk kesan yang lebih baik.
- Pendekatan memilih pelajar yang dikesan paling lemah untuk ditujukan dengan soalan lisan semasa proses P&P.
- Pendekatan berbeza digunakan semasa menyoal pelajar yang berbeza tahap penguasaannya, aras soalan ditukar dan penerangan dibuat ke arah membantu pembelajaran pelajar.

- Mentaksir tahap penguasaan pelajar melalui reaksi pelajar apabila disoal di dalam kelas.
- Membiasakan arahan soalan dibacakan di dalam Bahasa Arab semasa aktiviti pentaksiran dilakukan.
- Masalah pelajar lambat menyiapkan tugasan dan kerja rumah kerana bebanan yang banyak untuk menyiapkan bagi semua mata pelajaran.
- Banyak aktiviti pentaksiran di selesaikan di dalam bilik darjah.
- Pelajar dilatih membiasakan guna kamus semasa menjawab soalan di dalam bilik darjah.
- Berbagai bentuk kesalahan di dalam aspek bahasa dan sebagainya dikesan oleh PK melalui aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah.
- Mengadakan kelas pemulihan untuk pelajar yang lemah.
- Kemahiran bertutur akan dilatih selepas sukatan pelajaran ditamatkan dan akan dibuat selepas peperiksaan di akhir tahun nanti.
- PK bersetuju amalan pentaksiran yang dilakukan di dalam bilik darjah lebih banyak membantu pelajar mencapai kecemerlangan di dalam peperiksaan.

**APAKAH MAKLUMAT PEMERHATIAN YANG DISOAL UNTUK PENJELASAN?**

- Penggunaan power point sebagai ABM, apa kesan pada P&P?
- Apakah objektif sebenar P&P tadi? Adakah P&P itu sebagai satu ulangkaji?
- Menyentuh berkenaan PK yang memanggil nama setiap orang pelajar semasa menyoal atau membuat pentaksiran di dalam bilik darjah.
- Soalan berkenaan teknik menyoal yang digunakan di dalam P&P.
- Berkenaan dengan penggunaan kamus semasa berbincang untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh PK.
- PK mengubah-ubah aras soalan dan mengulang serta menjelaskan makna soalan yang ditanya untuk memudahkan pelajar memberi respons.

**APAKAH PERKARA YANG PERLU DISOAL DALAM TEMU BUAL AKAN DATANG?**

- Apakah jenis-jenis aktiviti pentaksiran/penilaian di dalam bilik darjah yang digunakan semasa proses P&P?
- Setakat manakah kefahaman PK berkenaan dengan pentaksiran di dalam bilik darjah berdasarkan jenis, tujuan, kekuatan dan kelemahan setiap jenis amalan pentaksiran.
- Bagaimana Peserta Kajian: (1) mentaksir kefahaman, penguasaan dan kelemahan pelajar, (2) menilai adakah objektif P&P pada hari ini tercapai atau tidak?, (3) membuat perancangan untuk pentaksiran di dalam proses P&P?, (4) menguruskan pelajar pandai dan lemah di dalam pentaksiran di bilik darjah, (5) membuat tindakan susulan
- Bagaimana aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah dapat membantu PK membaiki proses P&P di dalam kelas?
